



**Henti Sebar
Berita Palsu!**

DUNIA kini sedang berhadapan dengan krisis kesihatan yang cukup parah dan terburuk dalam sejarah. Wabak COVID-19 yang dikatakan mula merebak di Wuhan, China, pada akhir tahun 2019 kini telah menular ke seluruh dunia.

Tidak dinafikan bahawa pandemik COVID-19 sangat berbahaya. Namun begitu, terdapat lagi “virus” yang tidak kurang hebatnya dan impaknya kepada kesejahteraan umat manusia. “Virus” yang dimaksudkan itu ialah “virus berita palsu” yang kian menjadi-jadi sejak belakangan ini.

Fenomena berita palsu ini bukanlah bersifat lokal semata-mata, tetapi juga di peringkat global. Maka, tidak hairanlah apabila begitu banyak negara di dunia termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Kesatuan Eropah (EU), Singapura dan lain-lain terlalu tekad dalam mengekang penularan berita palsu.

Di Malaysia, kandungan berita palsu yang dikesan merangkumi kandungan yang bersifat menghina institusi diraja, pemimpin negara mahupun khabar angin yang tidak berasas mengenai sesuatu peristiwa. Dalam keadaan negara sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19, beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab turut mengambil kesempatan untuk menyebarkan berita palsu mengenai penyakit ini sehingga mencetuskan kegelisahan awam.

Antara berita palsu yang dikesan mengenai COVID-19 pada ketika itu termasuklah:

a. Tentera Dikerahkan untuk Pergi ke Bandar-bandar Besar

Terdapat video dan berita yang disebarkan bahawa aset tentera

digerakkan – kononnya disebabkan oleh keadaan semasa di dalam negara. Namun begitu, apa-apa yang sebenarnya berlaku ialah aset tentera itu kembali ke kem masing-masing selepas menjalani latihan, selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 16 Mac lalu.

b. Pesakit Wanita Lari dari Hospital

Terdapat berita yang tular di media sosial mengatakan bahawa seorang pesakit wanita yang positif COVID-19 melarikan diri dari Hospital Raja Permaisuri Bainun. Hasil pemeriksaan mendapati, tidak ada pesakit wanita yang dimaksudkan.

c. Langkah Pencegahan COVID-19 oleh UNICEF

Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia menafikan terdapat satu mesej yang dikeluarkan oleh organisasi itu berhubung dengan langkah pencegahan wabak COVID-19, seperti yang tersebar melalui aplikasi WhatsApp.

d. Penganjuran COVID-19 Hour

Terdapat e-risalah yang tertera perkataan “COVID-19 Hour” akan berlangsung dari pukul 8.00 malam hingga 10.00 malam, pada 16 Mac 2020. Risalah berkenaan turut mengandungi tanda pagar “#MalaysiaLockDown” dan “#SocialDistance” serta panduan kepada pengguna agar tidak meninggalkan rumah dan pergi ke tempat awam seperti pasar raya dan restoran.

e. Hilang Selera Makan dan Deria Bau Simptom Baharu COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan simptom kehilangan selera makan dan deria

bau merupakan antara simptom baharu COVID-19 dan hal yang demikian tidak benar sama sekali.

Seorang ahli psikologi di Northeastern University, David DeSteno mengatakan bahawa jumlah kematian yang tinggi akibat daripada COVID-19 mencetuskan kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan warga dunia. Menurut beliau lagi, kebimbangan dan ketakutan masyarakat mengenai risiko COVID-19 merupakan perkara normal. Namun begitu, perkara yang tidak patut berlaku ialah wujudnya ketakutan psikologi atau *psychological fear* yang ekstrem dan tidak seimbang. Ketakutan psikologi ini diakibatkan oleh gabungan faktor emosi dan pengetahuan yang terhad mengenai COVID-19. Tegas beliau lagi, pelbagai maklumat palsu menambahkan lagi kebimbangan umum. Hal ini ditambah pula dengan ketakutan melalui pemikiran secara tidak rasional bahawa orang di sekeliling semuanya pembawa virus COVID-19.

Profesor Madya Adam Kucharski dari London School of Hygiene and Tropical Medicine pula berkata, ramai individu tidak bijak dalam mengenal pasti maklumat yang mengelirukan, terutamanya di media sosial. Menurut beliau, antara puncanya ialah pengguna tidak mengetahui cara hendak menyaring maklumat yang benar, selain terburu-buru dalam menerima serta menyebarkan maklumat. Pada ketika dunia bergelut menghadapi wabak ini, ramai terbelenggu dengan sikap mudah mempercayai maklumat palsu. Ketidakpastian mengenai sesuatu maklumat menyebabkan kita membiarkan diri dipengaruhi oleh berita tidak sah.

Walau apa-apa pun tujuannya, tindakan menyebarkan berita yang tidak ditentukan kesahihannya merupakan perbuatan yang berisiko tinggi. Perbuatan itu bukan sahaja



boleh mencetuskan situasi panik yang tidak diingini, bahkan mengganggu ketenteraman awam.

Oleh sebab itu, pihak berkuasa Malaysia bertungkus lumus dalam memastikan penyebaran dan penularan berita palsu dikekang sehabis-habisnya. Pelbagai langkah proaktif telah pun diambil khususnya oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam konteks ini. Langkah yang diambil termasuklah pendekatan bersifat mendidik dan penguatkuasaan secara berterusan, antaranya adalah seperti berikut:

a. Portal SEBENARNYA.MY

Dari sudut mendidik, portal SEBENARNYA.MY telah diwujudkan oleh SKMM pada tahun 2017 sebagai sebuah pusat sehati bagi rakyat Malaysia untuk melakukan semakan sebelum berkongsi berita yang tidak ditentukan kesahihannya, yang diterima secara dalam talian melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang dan lain-lain. Bagi memudahkan orang awam memeriksa kesahihan sesuatu berita, pautan menerusi aplikasi Telegram rasmi bagi SEBENARNYA.MY juga telah diwujudkan, iaitu melalui pautan <https://t.me/sebenarnyamy>. Berita yang dimuat naik dalam saluran rasmi Telegram SEBENARNYA.MY itu akan ditentusahkan oleh pihak berkuasa seperti KKM (berkaitan dengan isu COVID-19). Dalam hal COVID-19 khususnya, SKMM akan berkongsi semua kandungan sama ada yang berbentuk berita, pengumuman, kesedaran, peringatan mahupun soalan lazim yang telah ditentusahkan oleh pihak KKM sama ada melalui akaun media sosial mereka, mahupun melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak

Cepat Krisis (CPRC) KKM yang dipetik daripada pautan <http://t.me/cprckkm>. Maklumat tentang penuluran berita palsu mengenai COVID-19 turut boleh disalurkan melalui pautan “Salur kepada Kami”, iaitu <https://sebenarnya.my/salur/> di portal dan aplikasi SEBENARNYA.MY.



Antara kandungan berita palsu mengenai COVID-19 yang berjaya ditangkis oleh pihak SKMM melalui portal SEBENARNYA.MY.

b. Program Advokasi dan Kesedaran

Selain itu, SKMM turut melaksanakan program berbentuk advokasi (pengakuan) dan pendidikan seperti “Klik dengan Bijak” (KDB), dan pemaparan mesej “Semak Sebelum Sebar”. Program KDB sebagai contohnya memberikan penekanan kepada tiga aspek utama dalam mesejnya, iaitu: “Selamat, Waspada dan Tanggungjawab”. Mesej ini menitikberatkan kawal selia sendiri dalam membendung masalah penyalahgunaan internet. Program itu antara lain bermatlamat untuk melahirkan pengguna yang celik terhadap teknologi dan kandungan media baharu; mewujudkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan pengguna agar beretika terhadap pengguna lain; memberikan pendidikan tentang kepentingan kawal selia sendiri; serta mewujudkan persekitaran dalam talian yang selamat untuk pengguna internet. Sementara itu, “Semak Sebelum Sebar” pula merupakan inisiatif penyampaian mesej dalam bentuk pesanan khidmat masyarakat dan tayangan video di stesen radio dan televisyen tempatan.

c. Penguatkuasaan

Dari sudut penguatkuasaan pula, hingga akhir Mac 2020, SKMM telah menerima laporan sebanyak 43 kes daripada orang awam dan seramai 20 orang suspek telah dikenal pasti. Enam orang daripada mereka termasuk seorang selebriti telah pun didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan yang membawa kepada hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda, atau kedua-

duanya jika disabitkan kesalahan. Sementara itu, lima orang suspek lain turut disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 yang memperuntukkan hukuman penjara setahun atau denda sebanyak RM50 ribu, atau kedua-duanya sekali.

INISIATIF OLEH PIHAK LAIN

a. Penang Lawan COVID-19

Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada baru-baru ini telah melancarkan laman web Penang Lawan COVID-19 sebagai sebahagian daripada kempenya untuk memerangi penyebaran berita palsu mengenai COVID-19, selain mencetuskan kesedaran dalam kalangan rakyat terhadap isu pandemik tersebut. Melalui laman web berkenaan yang boleh dicapai menerusi pautan penanglawanCOVID19.com, laman Facebook dan Twitter, rakyat di Pulau Mutiara itu boleh mendapatkan berita dan statistik terkini mengenai COVID-19.

b. Medical Mythbusters Malaysia

Medical Mythbusters Malaysia (M3) merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan bagi membantu pihak awam memahami dan meneliti maklumat melalui perkongsian daripada sumber yang boleh dipercayai. Ditubuhkan pada tahun 2016, matlamat M3 bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang sahih, tepat serta berlandaskan maklumat perubatan yang terbukti dan boleh dipercayai kepada pihak awam melalui platform media sosial.

c. Komitmen Facebook, Google, LinkedIn, Reddit, Twitter, dan YouTube dalam Memerangi Penyebaran Berita Palsu

Sekumpulan syarikat teknologi gergasi dunia, iaitu Facebook, Google, LinkedIn, Microsoft, dan Twitter telah menyatakan komitmen mereka untuk memerangi penyebaran berita palsu dan penipuan berkaitan dengan COVID-19. Dalam hal berbangkit ini, kesemua syarikat teknologi gergasi berkenaan akan berkongsi kemas kini kritikal mereka dalam penyelarasan dengan agensi penjagaan kesihatan kerajaan di seluruh dunia. YouTube juga tidak ketinggalan dalam komitmen ini apabila mereka telah melancarkan ruangan “rak berita” (*news shelf*) melalui laman web mereka bagi mempromosikan kandungan yang berautoriti. Laman sosial Facebook turut mengumumkan inisiatif yang serupa. Tindakan tersebut diambil bagi mengekang perkongsian khabar angin dan penipuan mengenai COVID-19 di seluruh dunia.

MENGENAL PASTI BERITA PALSU

Pertama, gunakan akal fikiran anda. Hanya kerana anda menerima sesuatu berita daripada sahabat rapat anda ataupun ahli keluarga, tidak bermakna berita tersebut benar belaka. Sekiranya sesuatu perkara itu terlalu bagus untuk dipercayai, barangkali berita berkenaan ialah berita palsu. Kedua, fahamkan apa-apa yang anda baca dan bukannya pendapat. Ketiga, selidik dengan mendalam tentang apa-apa yang dibaca dan bandingkan dengan pelbagai sumber. Akhir sekali, lihat daripada pelbagai sudut. Terdapat sekurang-kurangnya dua pandangan tentang sesuatu perkara.

Jadual Cara untuk Mengenal Pasti Maklumat Palsu

SUMBER	Lihat sumber maklumat. Adakah sumber tersebut boleh dipercayai?
FAHAM	Fahamkan apa-apa yang dibaca. Cari fakta dan bukannya pendapat.
SELIDIK	Selidik maklumat yang diterima dengan lebih mendalam. Bandingkan dengan pelbagai sumber lain.
NILAI	Lihat dari pelbagai sudut. Terdapat sekurang-kurangnya dua pandangan tentang sesuatu perkara.

Tip Menjadi Pengguna Bijak

- Semak sebelum sebar.
- Periksa (*tabayyun*) sumber sebelum sebar atau percaya.
- Tidak menabur fitnah.
- Tidak semua yang tular (*viral*) atau maklumat dalam internet itu betul.

Pada hakikatnya, masalah penyebaran berita palsu tidak akan berakhir selagi ada pihak atau individu tertentu yang menyebarkannya. Apa-apa yang lebih penting, isu ini memerlukan sinergi dan persefahaman antara rakyat dengan pihak berkuasa. Daripada pihak rakyat misalnya, mereka boleh memainkan peranan dengan meningkatkan tahap pengetahuan mereka termasuk memantapkan kemahiran celik digital, selain tidak terburu-buru menyebarkan maklumat yang belum ditentukan kesahihannya. Pada masa yang sama, rakyat boleh bertindak secara proaktif dengan membuat aduan kepada pihak berkuasa sekiranya mereka terjumpa hantaran dalam media sosial yang menyalahi undang-undang, untuk perhatian dan tindakan selanjutnya. Mereka juga boleh bekerjasama dengan menyalurkan maklumat penting kepada pihak berkuasa. Hanya dengan kerjasama, persefahaman dan sokongan padu daripada semua pihak, barulah isu penyebaran berita palsu akan dapat ditangani. Ingatlah, kalau tidak pasti, jangan kongsi!



Sumber: Laman Facebook Klik dengan Bijak